



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008



PERTANDINGAN WALL CLIMBING TARIK LEBIH 100 PESERTA SEMPENA HARI WILAYAH PERSEKUTUAN

PUTRAJAYA, 8 Februari 2020 – Lebih 100 peserta mencabar kemampuan diri dalam Pertandingan *Wall Climbing* Komuniti Putrajaya bertempat di Kompleks Mendaki, Taman Cabaran, Presint 5.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim. Turut hadir Naib Presiden Perkhidmatan Bandar PPj, Datuk Azizi bin Haji Ahmad Termizi.

Julung kali diadakan bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Putrajaya bertujuan untuk memberi pendedahan kepada komuniti Putrajaya khususnya golongan belia berkaitan teknik mendaki yang betul dan menggilap bakat serta skil peserta melalui pertandingan yang dianjurkan.

Selain itu penganjuran sebegini ini secara tidak langsung dapat mempromosi kemudahan dan aktiviti sedia ada di Taman Cabaran Putrajaya (TCP) kepada seluruh warga Putrajaya dan mempromosikan Putrajaya sebagai bandar mesra belia yang memiliki kemudahan serta fasiliti yang terkini bagi sukan mendaki.

Berlangsung selama dua (2) hari bermula pada 8 – 9 Februari 2020, peserta diberikan pendedahan mengenai sukan ini melalui Bengkel Asas Dan Teori Sukan Mendaki *Wall Climbing* sebelum pertandingan. Terdapat dua (2) kategori dipertandingkan iaitu *Wall Climbing Closed Men & Women Putrajaya Community* dan *Wall Climbing Open Men & Women Novices*. Para peserta diberi masa selama 3 jam untuk menyelesaikan laluan medaki secara *marathon* dan *endurance*. Pemenang ditentukan berdasarkan pengumpulan mata di setiap laluan.

Bakal juara akan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM300, RM200 untuk naib juara dan RM100 untuk tempat ketiga bagi setiap kategori. Bakal juara akan mewakili Putrajaya di dalam Putrajaya Challenge Park Adrenaline Fest pada bulan Oktober 2020.

Untuk pertanyaan lanjut berhubung Penganjuran Bengkel Asas dan Pertandingan *Wall Climbing* Komuniti Putrajaya sila hubungi, En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887347/019-3354346 atau En Ahmad Fazila Othman di talian 03-88877325/012-5761490.

(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: Februari 2020